

- (c) memberi perhatian bahawa hak untuk mengambil tindakan di bawah klausa-klausa 40, 43, 50, 51, 52, 53, 57 dan 65 berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak P.W.D. FORM 203/203A (Rev.2007) adalah seperti di Lampiran 9C. Pegawai Yang Berkuasa menandatangani perakuan-perakuan yang dikeluarkan di bawah kontrak berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak P.W.D Form 203/203A adalah seperti Lampiran 9D

9.3.4 Kontraktor hendaklah dimaklumkan mengenai perlantikan Wakil P.P. dan kuasa yang diwakilkan kepadanya. Surat piawai bagi perwakilan kuasa dan pemberitahuan kepada Kontraktor berdasarkan P.W.D. FORM 203/203A (Rev.2007) seperti di Lampiran 9E, 9F, 9G, 9H, 9I berikut:

Lampiran      Bagi Perwakilan Kuasa

- 9E      -      Kepada Wakil P.P. Utama untuk penyeliaan dan arahan pelaksanaan kerja secara keseluruhan.
- 9F      -      Kepada Wakil P.P. Pakar untuk penyeliaan kerja-kerja tertentu di bawah subkontrak dinamakan.
- 9G      -      Kepada Wakil P.P. Pakar untuk penyeliaan pembekalan bahan-bahan dan barang-barang tertentu di bawah subkontrak dinamakan.
- 9H      -      Kepada Wakil P.P. Pakar (Juruukur Bahan) untuk memberi perkhidmatan ukur bahan.
- 9I      -      Pemberitahuan Perwakilan Kuasa.

9.3.5 Dalam melaksanakan tugasnya dan menggunakan kuasa yang diwakilkan kepadanya, Wakil P.P. mesti mematuhi peraturan-peraturan seperti berikut:

- (a) Beliau tidak dibenarkan mewakilkan selanjutnya kuasa-kuasa yang telah diwakilkan kepadanya.